

## Bab 6

### Kemerosotan dan Kejatuhan Kota Madani Melayu Melaka

#### **6.1 Pengenalan.**

Ibn Khaldun dalam bukunya *Muqadimah* membuat kesimpulan bahawa segala aktiviti manusia di dunia ini adalah berpunca daripada tindakan manusia sendiri. Ini adalah kerana Tuhan tidak mencampuri aktiviti-aktiviti manusia. Tuhan menyediakan dunia ini yang lengkap dengan serba serbinya dan manusialah yang menjadi khalifahnya. Manusialah yang membina tamadun dan manusia jugalah yang menjadi punca kepada kemerosotan dan kejatuhannya. Bab ini akan membincangkan faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan tamadun Melayu Melaka.

#### **6.2 Maksud Masyarakat Madani.**

**Madani** berasal dari kata Arab yang bermaksud orang bandar atau orang yang menetap di bandar, atau menetap di satu tempat kediaman yang tetap. **Madani** dihubungkan dengan perkataan **hadari** yang bermaksud orang yang menetap di sesuatu tempat tinggal bersama-sama dengan kelompok masyarakatnya, yang kemudiannya membentuk sebuah bandar “**Madinah**” yang menjadi asas kepada kewujudan tamadun. Persoalan mengenai konsep **madani** ini telah dikupas oleh Ibn Khaldun dalam bukunya *Mukadimah*. Beliau menjadikan kemakmuran hidup

sebagai ciri utama kehidupan **madani** atau bandar. Sesebuah bandar muncul setelah kelompok atau golongan manusia menetap (*hadari*).

Menurut Ibn Khaldun, manusia menuju ke arah kemajuan secara semulajadi. Manakala kemajuan manusia perlu kepada berkumpul dan hidup menetap di suatu tempat. Setelah berkumpul maka proses selanjutnya lahirlah bandar (*madinah*), iaitu tempat segala aktiviti kehidupan, institusi agama, masjid, pusat ekonomi, pusat pendidikan serta pentadbiran. Kemakmuran dapat dilihat dari segi tempat tinggal - rumah yang selesa, makanan yang lazat dan pakaian yang cantik. Walau bagaimanapun kemakmuran itu tidak datang menggolek tanpa perancangan yang teliti dan usaha yang gigih. Sebab itulah manusia memerlukan kepimpinan politik dan sistem pentadbiran yang adil, jujur, bertanggungjawab dan mantap. Ini adalah kerana pemerintahan yang mantap akan dapat mempertahankan negara dan kemakmuran hidup rakyatnya. Bagi Ibn Khaldun syariah Islam yang diturunkan oleh Allah menjadi asas kepada pemerintahan kerana sesuai dengan kebijaksanaan akal manusia. Manakala akal menjadi mekanisme untuk mencapai kemajuan.

Ibn Khaldun juga mengingatkan bahawa kemakmuran yang diperolehi itu tidaklah kekal selama-lamanya. Apabila negara menjadi mewah, pemerintah dan rakyat menikmati hidup dalam keadaan yang

amat mewah maka selalunya mereka menjadi lupa daratan. Mereka akan melakukan pembaziran dalam banyak perkara. Tamak haloba, hasad dengki, zalim menzalimi dan khianat sesama sendiri mempengaruhi kebanyakan pembesar negara. Manakala rakyat yang dalam kemewahan itu akan bertukar menjadi malas dan berpuashati dengan apa yang ada. Apabila keadaan demikian berlaku, maka itu adalah tanda awal kehancuran berlaku akibatnya masyarakat akan kembali kepada kehidupan awal yang susah.

Dalam Islam masyarakat **madani** bermakna masyarakat yang menegakkan nilai-nilai makruf dan melalui proses penegakan nilai-nilai makruf ini mewujudkan masyarakat bertamadun. Oleh itu masyarakat **madani** merupakan masyarakat di mana segala institusi antara individu dan pemerintah bergerak dengan tujuan mewujudkan suatu masyarakat yang menegakkan nilai-nilai makruf agar mewujudkan masyarakat bertamadun<sup>1</sup>. Manakala Mohd. Kamal Hassan (Dalam MINDS, 1998:98) menggariskan ciri-ciri umum masyarakat **madani** antaranya:

- i. Pemerintah yang mendaulatkan keadilan dan melaksanakan dasar-dasar egalitarianisme.
- ii. Berakhlik mulia, beradab, bersopan dan berbudi bahasa. Nilai-nilai etika amat disanjungi.
- iii. Melambangkan pencapaian ilmu dan teknologi berasas dan tradisi ilmu bersepadau antara *naqli* dan *akli* dan penghormatan kepada para ilmuan.

- iv. Menghormati undang-undang sebagai satu cara hidup.
- v. Menghayati disiplin diri secara kolektif bukan kerana takut kepada kuasa undang-undang, tetapi kerana ia memberi rasa kepuasan dalaman.
- vi. Kepekaan tentang tanggungjawab sosial dirasai secara meluas oleh semua golongan - termasuk ahli-ahli perniagaan, pentadbiran, cendekiawan.
- vii. Kekuasaan tidak dimonopoli oleh satu golongan atasan tetapi dibahagi-bahagi secara saksama dan *decentralised*.
- viii. Kebebasan bersuara dan perbezaan pendapat dihormati dan dilindungi. Ini termasuk hak mengkritik pemerintahan dengan cara yang adil.
- ix. Memberikan layanan yang baik kepada golongan tua, miskin, cacat anggota dan kurang upaya.
- x. Nilai-nilai agama *samawi* menjadi asas kehidupan bermasyarakat dan diintegrasikan dalam semua kegiatan duniawi.
- xi. Mengenali sejarah bangsa dan negara dan tahu berhutang budi kepada orang yang berjasa dalam sejarah.
- xii. Kepimpinan yang berteladan dan cemerlang dalam pengurusan dan pemerintahan.
- xiii. Kehidupan seni dan budaya, termasuk sukan yang serasi dengan nilai-nilai agama dan kemanusiaan yang luhur <sup>2</sup>.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, Ibn Khaldun juga berpendapat bahawa sesebuah negara itu ada hayatnya sendiri yang dikuasai oleh hukum semula jadi. Sesebuah tamadun akan tercapai matlamatnya sebagai sebuah tamadun **madani** dan sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Farabi mengenai *al-saadah*. Tun Seri Lanang walaupun mungkin tidak pernah membaca ataupun mendengar konsep-konsep tersebut, namun beliau telah dapat membayangkan bahawa masyarakat yang **madani** dan **saadah** hanya tercapai jika terdapatnya hubungan yang baik antara rakyat dan pemerintah. Unsur-unsur metos dan legenda yang cuba meletakkan raja-raja Melaka sebagai raja yang dipilih oleh Tuhan, penuh dengan kesaktian dan sebagainya tidak dapat menjamin kerajaan itu kekal selama-lamanya. Konsep **assabiyah** yang cuba diterapkan oleh raja-raja Melayu Melaka melalui sebuah waadat atau perjanjian antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba, mitos asal-usul raja-raja Melayu Melaka yang dikatakan berasal dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain, Raja Agung, raja yang dipilih oleh Tuhan. Tetapi usaha-usaha itu tidak dapat mengekalkan dinasti tersebut. Malah unsur **assabiyah** itu mula pudar dan pernah dicabar oleh Hang Jebat. Penderhakaan Hang Jebat itu telah mengingatkan raja-raja Melayu Melaka supaya tidak bertindak zalim. Takhta kerajaan Melayu Melaka hampir-hampir menjadi milik Hang Jebat. Walau bagaimanapun jangka hayat Kesultanan Melayu Melaka masih panjang kerana Hang Jebat dibunuh oleh Hang Tuah, orang yang diperjuangkan oleh Hang Jebat.

Konsep keadilan yang diperjuangkan oleh Hang Jebat tidak dapat mengatasi semangat **assabiyah** atau ketaatan yang membawa tuli terhadap Sultan Melaka yang masih lagi menjadi pegangan sebahagian besar pembesar dan rakyat Melaka ketika itu.

Selain dari itu, *Sejarah Melayu* juga melaporkan beberapa peristiwa yang memperlihatkan kewibawaan Sultan Melaka mulai tercabar. Antaranya tindakan Seri Bija Diraja yang enggan menyembah Sultan Mahmud setelah ditabalkan. Ini menyebabkan Sultan Mahmud menyimpan dendam. Peluang untuk membala dendam terbuka apabila Seri Bija Diraja lewat datang mengadap pada hari raya puasa. Seri Bija Diraja dijatuhi hukuman bunuh. Manakala Sultan Abdul Jamil, sepupu kepada Sultan Mahmud mengancam untuk menyerang Melaka apabila tunangan baginda dilarikan orang dan diserahkan kepada Sultan Mahmud. Sebagai seorang raja yang bernafsu tinggi, sompong dan bongkak, lalu menitahkan Laksamana Khoja Hasan pergi ke Pahang untuk melarikan gajah kesayangan Sultan Abdul Jamil pula. Akhirnya Sultan Abdul Jamil turun dari takhta kerana berasa malu setelah dua kali dipersenda-sendakan oleh Sultan Mahmud.

Jika dianalisa faktor-faktor kemerosotan semangat tersebut adalah disebabkan oleh:

- a. Masyarakat Melaka berkembang terlalu cepat sehingga kuasa ekonomi dan politik dikuasai oleh orang asing.
- b. Kekayaan dan kemewahan negeri Melaka menyebabkan raja, pembesar dan rakyat hidup dalam kemewahan dan itulah tanda-tanda kepada kemerosotan tamadun Melayu Melaka.
- c. Dari segi moral dan nilai-nilai keagamaan Islam telah jatuh ke tahap yang paling rendah. Walaupun ada usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan agama Islam di kalangan istana dan pembesar, namun kelemahan peribadi Sultan Mahmud itu banyak mempengaruhi sikap dan nilai dan budaya Melayu ketika itu.

Ibn Khaldun pernah berkata 'agama tanpa **assabiyah** yang kuat tidak efektif dan **assabiyah** tanpa agama tidak akan berguna'. Malah kekayaan dan kemewahan yang diperolehi itu menjadikan Sultan Mahmud lalai dan tidak menjalankan tugasnya sebagai sultan. Baginda lebih mementingkan keseronokan, penghormatan, keagungan dan pada masa yang sama melakukan kezaliman dan memenuhi tuntutan nafsu seks mudanya. Rakyat hidup dalam ketakutan dan tertekan<sup>3</sup>. Golongan elit lebih mementingkan diri sendiri. Agama sudah menjadi gurauan<sup>4</sup>. Justeru itu, *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa tamadun Melayu Melaka telah pun runtuh lama sebelum kedatangan Portugis dan kemudian dengan mudah menaklukinya pula.

### 6.3 Perubahan Tamadun Dari Perspektif Evolusi Sosial.

Tamadun adalah dinamis dan sentiasa bergerak ke hadapan. Namun begitu pengkaji tamadun mendapati apabila berlaku perubahan, perubahan tersebut akan membawa kepada kebaikan ataupun keburukan. Dari segi sosial, perubahan sosial akan berlaku apabila masyarakat sentiasa bergerak ke arah keseimbangan hasil daripada penyesuaian terhadap sesuatu perubahan dan perkembangan dalam masyarakat tersebut. Setiap masyarakat mempunyai institusi yang berfungsi untuk menjaga kestabilannya. Institusi-institusi yang kekal hanyalah institusi yang mendatangkan faedah atau berfungsi dalam masyarakat sahaja. Ketika Melaka dibuka, masyarakat Melayu menerima keturunan Iskandar Zulkarnain sebagai raja mereka. Penerimaan mutlak itu meletakkan raja teratas dan mempunyai kuasa mutlak yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Kekuatan institusi ini menyebabkan Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang kuat. Ini diikuti dengan penaklukan ke atas negeri-negeri kecil di Semenanjung Tanah Melayu, dan pesisiran pantai timur Sumatera. Teks *Sejarah Melayu* memberikan gambaran yang jelas tentang hal ini.

Dari segi semula jadinya sesebuah tamadun itu akan bergerak ke hadapan. Melaka yang pada mulanya hanyalah sebuah negeri kecil<sup>5</sup> telah mencapai zaman kegemilangannya ketika pemerintahan Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah. *Sejarah Melayu*

menggambarkan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa besar apabila Sultan Mansur Syah berkahwin dengan Galuh Cendera Kirana, puteri kepada Betara Majapahit. Baginda juga berkahwin dengan Tuan Puteri Hang Li Po, puteri Raja China. Malah kedaulatan Sultan Melaka begitu tinggi sehingga Raja China mendapat kedal apabila menerima sembah salam menantu baginda iaitu Sultan Mansur Syah. Ubatnya adalah air basuh kaki sultan Melaka.

Manakala Sultan Alauddin Riayat Syah digambarkan sebagai seorang sultan yang mengamalkan konsep kepimpinan melalui teladan. Apabila Melaka menghadapi ancaman pencuri, baginda sendiri keluar meronda. Pencuri yang dijumpai terus dibunuh. Akibatnya Melaka menjadi aman. Baginda juga mengukuhkan undang-undang Islam dengan melaksanakan hukum Islam sepenuhnya. Namun kepimpinan baginda mungkin tidak disukai oleh segolongan pembesar, maka baginda mati dengan tiba-tiba pada usia yang masih muda. Kemangkatan baginda adalah merupakan tanda kepada kemerostan dan kejatuhan tamadun Melayu Melaka. Pengganti baginda adalah Sultan Mahmud, seorang sultan yang terkenal dengan kezaliman dan kuat nafsu seks.

#### **6.4. Perubahan Tamadun Dari Perspektif Kitaran (*Cyclical*)**

Perspektif ini melihat perubahan yang berlaku sebagai satu proses berperingkat-peringkat yang perlu dilalui oleh masyarakat. Setiap

tamadun sepatutnya akan mengakhiri peringkat akhir atau *stage of perfection* dengan sebaik-baiknya tetapi apa yang berlaku ialah tamadun akan balik ke asal atau di peringkat permulaan untuk memulakan proses perubahan pada pusingan yang baru.

Oswald Spengler membahagikan pusingan tersebut berdasarkan kepada beberapa peringkat iaitu lahir, matang, merosot dan akhirnya mati dan lahir semula (Dalam Rohana Yusof, 1996: 273). Perubahan tersebut akan mengalami kemajuan dan kemerosotan tetapi sesuatu masyarakat itu tidak akan kekal selama-lamanya.

Manakala Pitirim Sorokin pula menyatakan perubahan tamadun manusia berlaku dalam satu pusingan dan tidak berakhir melalui tiga peringkat atau jenis kebudayaan. Menurut beliau, tahap pertama '*ideational culture*' (dicirikan oleh nilai dan kepercayaan ghaib). Tahap kedua '*idealistic culture*' (dicirikan dengan nilai tradisi dan rasional) dan tahap akhir ialah '*the sensate culture*' (dicirikan dengan nilai rasional dan pemikiran saintifik) (Dalam Rohana Yusof, 1996: 273).

*Sejarah Melayu* sendiri ada membincangkan hal yang sama melalui satu peristiwa di mana Sang Sapurba (Seri Teri Buana) memberikan persetujuannya ke atas satu perjanjian yang dikenali sebagai *waadat* dengan Demang Lebar Daun. Tun Seri Lanang menyatakan:

"... Seperkara lagi, perjanjian patik mohonkuan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadilhatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi."

Maka titah Seri Teri Buana, "Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia." Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku." Maka titah Seri teri Buana, "Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu." Maka baginda pun bersumpah-sumpahanlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya." (A. Samad Ahmad. 1986: 25-26)

Sungguhpun *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* ini ada dimasukkan cerita-cerita yang berunsur mitos, legenda, fantasi dan ajaib, namun cerita-cerita tersebut perlu ditafsirkan kerana membawa makna yang tertentu. Waadat antara Seri Teri Buana dan Demang Lebar Daun itu dianggap tidak boleh diterima, namun Tun Seri Lanang memasukkannya dengan tujuan untuk mengingatkan raja akan tugas-tugas mereka sebagai pemerintah. Ini sesuai dengan motif *Sejarah Melayu* ditulis;

"Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara peri persetua dan peri pertuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkan oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya." (A.Samad Ahmad,1986:3)

Berdasarkan beberapa peristiwa yang dipaparkan oleh *Sejarah Melayu* jelas memperlihatkan motif tersebut dimuatkan dalam *Sejarah Melayu*. Antara peristiwa-peristiwa penting yang dapat dijadikan teladan oleh raja-raja Melayu Melaka dan rakyat Melayu adalah seperti berikut:

1. Kezaliman Raja Singapura membunuh Tun Jana Khatib, akibatnya Singapura diserang oleh ikan todak.
2. Singapura ditewaskan oleh Majapahit kerana kerjasama daripada Sang Rajuna Tapa yang tidak berpuashati di atas tindakan raja yang tidak adil terhadap hukuman sula ke atas anak perempuannya kerana fitnah. Raja Iskandar Syah terpaksa melarikan diri ke Tanah Melayu, manakala Sang Rajuna Tapa yang menderhaka dikatakan menjadi batu.
3. Sultan Mansur Syah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Hang Tuah, pahlawan Melayu yang banyak jasa tanpa melakukan siasatan terlebih dahulu. Akibatnya Hang Jebat (Dalam versi Shellabear ialah Hang Kasturi) menderhaka.

4. Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir telah difitnah hendak merampas kuasa, menyebabkan dia dan semua ahli keluarganya dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah, kecuali anaknya Tun Fatimah.
5. Raja Zainal dibunuh oleh Hang Berkat atas titah Sultan Mahmud Syah, dengan alasan menggugatkan keamanan Melaka, tetapi hakikat sebenarnya baginda bimbang Raja Zainal merampas kuasa kerajaannya.
6. Tun Ali Sandang, keluarga Seri Dewa Raja dibunuh oleh Tun Isap atas titah Sultan Mahmud. Pembunuhan itu dianggap satu babak pilu yang berpunca daripada seorang perempuan, Tun Dewi.
7. Pembunuhan ke atas Seri Bija Diraja; penguasa Singapura kerana terlambat datang mengadap Sultan Mahmud Syah. Hakikat sebenar, Sultan Mahmud mengesyaki sikap Seri Bija Diraja sebagai mengandungi unsur menderhaka.

Selain perjanjian (*waadat*) antara Demang Lebar daun dan Seri Teri Buana di atas, Sejarah Melayu turut memuatkan unsur nasihat melalui wasiat. Isi wasiat adalah merupakan satu peringatan kepada raja-raja yang berikutnya. Terdapat semacam persamaan isi wasiat dengan konsep kitaran yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun dan beberapa tokoh yang disebut di atas. Sebagai contoh wasiat

1. Wasiat Sultan Mansur Syah kepada Raja Ahmad (A.Samad Ahmad:171-172).

"Hei anakku, ketahui olehmu, bahawa dunia ini sekali-kali tiada kekal adanya. Yang hidup istu sedia akan mati juga sudahnya; iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal disebut orang selama-lamanya, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya... dan hendaklah engkau muafakat dengan segala Orang Besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahuinya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai, di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu? Dan tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, segala menteri itu umpamanya kayu, kerana api itu tiada akan nyala, jikalau tiada kayu... yakni rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri."

2. Wasiat Sultan Aladuddin Riayat Syah kepada Raja Mamad. (A.Samad Ahmad,1986:186-187)

"Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana firman Allah Taala *Inna'llahu ma'as sabirin*, yakni bahawa Allah Taala serta pada segala yang sabar. Dan jikalau datang kepada dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kepada hadrat Allah Taala yang akan memelihara akan kamu, kerana wa man yatawakkal 'ala'llah. Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu dosanya bunuh ia tiada dengan ketanahanmu, ... Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa..."

Selain daripada wasiat-wasiat di atas *Sejarah Melayu* turut memuatkan beberapa wasiat lain seperti wasiat oleh Bendahara Paduka Raja, Sultan Mahmud, Seri Nara Diraja dan sebagainya. Keseluruhannya

unsur-unsur pengajaran yang boleh diperolehi daripada wasiat-wasiat itu ialah:

- a. Sentiasa berbuat kebaktian waktu hidup di dunia.
  - b. Tidak bersifat tamak, tetapi sentiasa sabar, adil dan bersifat pemurah.
  - c. Jangan mencabuli wanita isteri orang atau anak hamba sahaya.
  - d. Jangan inginkan sesuatu hak orang.
  - e. Hidup hendaklah bermuafakat, bersefahaman dan tidak bermusuhan.
  - f. Setiap tindakan terlebih dahulu dengan persetujuan mesyuarat.
  - g. Jangan ringankan urusan ibadat kepada Allah.
  - h. Jangan ambil harta orang dengan jalan yang tidak benar.
  - i. Dunia ini sementara sahaja. Iman yang sempurna dan pekerti baik sahaja kekal dan disebut orang.
  - j. Tolong dan membantu yang lemah dan yang sukar.
  - k. Jangan mudah dipengaruhi fitnah dan hasutan orang.
  - l. Setiap tindakan hendaklah disiasat terlebih dahulu.
  - m. Tindakan jangan mengikut nafsu, kerana beberapa kerajaan sebelum ini banyak yang jatuh kerana terlalu mengikut nafsu.
- (Nawawee Mohammad, 1992 :226)

Selain unsur wasiat, banyak lagi unsur didaktik yang diselitkan dalam *Sejarah Melayu*. Antaranya ialah peristiwa Tun Bajid yang

mencabar Sultan Mahmud yang didapati berzina dengan isterinya. Tun Bajid yang baru pulang menjalankan tugas negara merasa sangat marah sambil berkata:

“Hai Sultan Mahmud, demikiankah pekerjaan tuan hamba akan hamba? Sayang tuan hamba; jikalau tuan hamba bukan tuan kepada hamba, jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya hamba anak lelaki.”  
(Shellabear,1977:143)

### **6.5 Kejatuhan Melaka- Faktor Dalaman.**

Berdasarkan teori-teori dan pendapat para sarjana di atas jelaslah faktor utama yang membawa kepada kejatuhan sesebuah tamadun adalah faktor dalaman. Melalui wasiat dan cerita-cerita mitos yang dapat dijadikan teladan itu jelas menunjukkan bahawa faktor utama kejatuhan kerajaan Melayu di Singapura dan kemudiannya Melaka adalah berpunca daripada diri raja atau sultan yang menjadi pemimpin negeri. Kebanyakan pengkaji menyifatkan pemerintahan Sultan Mahmud Syah lebih mengikut nafsu dan kepentingan diri. Tindakannya jauh daripada menepati kehendak wasiat ayahandanya Sultan Alauddin, menyebabkan timbul kesan buruk terhadap pentadbiran Melaka. Sikap dan tabiat buruknya, dianggap oleh para sarjana yang mengkaji Sejarah Melayu sebagai faktor utama Melaka menuju zaman kejatuhan. Malah semenjak pemerintahannya, Melaka mulai hilang kegemilangan.

Beberapa tindakan awal, seperti membunuh Seri Bija Diraja atas alasan yang kecil sahaja kemudian membunuh saudaranya Raja Zainal yang terkenal kacak dan menyebabkan ramai isteri orang juga anak-anak gadis gilakannya. Atas alasan menjaga keamanan Sultan Mahmud bertindak mengarah pembunuhan rahsia. Baginda juga disifatkan sebagai raja yang banyak menghabiskan masa berzina dengan perempuan; termasuk isteri orang. Lantaran sifat jahatnya itu, baginda menitahkan Laksamana meminang Puteri Gunung Ledang, tetapi dikenakan syarat yang mustahil dapat dilaksanakan, menyebabkan baginda membatalkan hasratnya itu. Kisah peminangan Puteri Gunung Ledang itu dapat disifatkan sebagai satu simbolik atas nafsu yang begitu besar.

Sultan Mahmud juga meminta Tun Teja dilarikan ke Melaka, walaupun baginda sudah tahu Tun Teja itu sudah bertunang dengan Sultan Abdul Jamil, Pahang. Hang Nadim yang dimurkai Sultan bersedia membawa balik Tun Teja ke Melaka, dan akhirnya dapat diperisterikan oleh Sultan Mahmud. Hang Nadim diampun dan dianugerahi oleh sultan di atas jasanya itu.

Sifat-sifat baginda yang buruk, zalim dan berdiri di atas nafsu gilakan perempuan cantik telah tidak terkawal lagi apabila dia bertindak membunuh Bendahara Seri Maharaja dan keluarganya. Pembunuhan tersebut merupakan satu tragedi kerana difitnahi oleh Kitul dan Khoja

Hasan kononnya Bendahara hendak merampas kuasa. Pada hal, tindakan itu disebabkan baginda menyimpan dendam terhadap Bendahara yang tidak berminat menyerahkan anaknya Tun Fatimah yang terkenal cantik; untuk diperisterikan Sultan Mahmud.

Sultan Mahmud juga berzina dengan isteri pembesar kerajaan, misalnya isteri Tun Bajid. Baginda memberi perlindungan kepada Sang Guna yang berzina dengan isteri Sang Sura. Baginda juga gilakan Tun Dewi. Pada suatu malam, baginda tiba di rumah Tun Dewi, Tun Ali Sandang terlebih dahulu ada di situ. Baginda mencurigai Tun Ali Sandang, lalu mengisyaratkan Tun Isap supaya membunuh Tun Ali Sandang. Semua itu menunjukkan peribadi baginda yang buruk.

Selain itu, baginda juga mengamalkan nepotisme. Orang yang dikasihinya akan diberi perlindungan, dan terlepas daripada hukuman. Misalnya Seri Dewa Raja yang membunuh Tun Isap, atau Sang Guna yang bermain jahat dengan isteri Sang Sura tidak boleh dipengapakan.

Pada usia tuanya, baginda menyerahkan kerajaan kepada puteranya Sultan Ahmad. Ini adalah kerana jiwa baginda tidak tenteram, menyesali segala tindakannya masa-masa lalu. Baginda berundur dengan sukarela. Ketika pemerintahan Sultan Ahmad Syah Feringgi datang menyerang Melaka. Apabila Melaka jatuh ke tangan Feringgi,

Raja Ahmad dan Sultan Mahmud serta keluarga mereka lari menyelamatkan diri.

Selain itu dari segi hubungan antara orang-orang asing rakyat tempatan di Melaka turut mempengaruhi turun naik tamadun Melayu Melaka. Penglibatan mereka dalam sistem sosial Melaka banyak ditentukan oleh faktor-faktor agama, pemilikan dan taraf ekonomi seseorang, juga khidmat fizikal dan spiritual seseorang, serta taraf perkahwinan individu. Agama Islam yang menjadi agama rasmi di Melaka seolah-olah tidak menunjukkan sebarang masalah hubungan ras antara orang Melayu tempatan dengan orang asing. Mereka dengan mudah dapat menyerap masuk dan menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat tempatan. Malah ada di antara mereka yang mencapai taraf yang tinggi dalam sistem sosial di Melaka. Antaranya keturunan Mani Purindam, Raja Mendaliar, Ali Manu Nayan, Nina Sura Dewana, Syeikh Abdul Aziz dan keturunannya, Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan.

Sejak awal penubuhan Melaka lagi, telah berlaku proses penyerapan orang asing ke dalam masyarakat Melayu Melaka. Sebagai contoh ialah Mani Purindam, seorang tokoh dari India yang berkahwin dengan anak perempuan keluarga bangsawan Melayu, Seri Nara Diraja. Peristiwa tersebut menandakan bermulanya kemasukan elemen yang

bukan peribumi ke dalam institusi politik Melaka. Perlantikan Tun Ali, anak Mani Purindam sebagai Penghulu Bendahari (Seri Nara Diraja) menggantikan datuknya menandakan bermulanya tradisi kekeluargaan Melayu-Tamil serentak dengan penglibatan cara terus keluarga ini ke dalam politik negeri Melaka.

*Sejarah Melayu* menggambarkan sejak awal lagi tokoh-tokoh politik Melayu enggan menerima unsur asing dalam politik Melaka. Bendahara Seri Wak Raja menunjukkan reaksi negatif dengan membunuh diri. Pengikut-pengikut Tun Perak bermusuhan dengan penyokong-penyokong Tun Ali. Walaupun Sultan Muzaffir Syah dapat menyelesaikannya, tetapi hanyalah buat sementara sahaja. Ini terbukti apabila Tun Mutahir dilantik sebagai Bendahara, keluarga Laksamana (**Melayu**) bersengketa dengan keluarga Tun Mutahir (**Melayu-Tamil**). Peranan keluaraga Laksamana dalam politik dan pentadbiran Melaka dipencilkan sama sekali.

Sikap orang asing terhadap Melaka dan rajanya banyak bergantung kepada kedudukan sosial individu dan kepentingan peribadi masing-masing. Bagi orang-orang Arab, Parsi dan segolongan India-Muslim yang mempunyai kedudukan istimewa dan hubungan rapat dengan golongan bangsawan dan istana, ketaatan mereka terhadap Melaka mungkin tidak boleh diragui. Tetapi sikap seperti ini sudah tentu berbeza dengan anggota masyarakat asing yang terdiri daripada

pedagang-pedagang dan "orang dagang". Mereka melihat Melaka tidak lebih sebagai lubuk yang dapat membekalkan potensi ekonomi yang paling menguntungkan. Kepada mereka soal siapa yang memerintah tidaklah timbul. Selagi pemerintah tadi, tidak kira dari apa bangsa pun, dapat menjamin keselamatan, kepentingan dan keuntungan dagangnya, kepada pemerintah itulah yang ditaatinya. Begitu juga dari segi agama yang nampaknya tidak dapat menjamin ketaatsetiaan orang-orang asing yang beragama Islam. Bagi mereka yang tidak termasuk dalam lingkungan arus sosial tempatan, terus mengutamakan tujuan dan cita-cita mereka untuk mencari kekayaan dan tidak memperdulikan siapakah yang memegang pucuk pimpinan negeri. Bagi mereka falsafah ini tidak wujud, "Dimana bumi dipijak disitulah langit dijunjung". Mereka akan lari meninggalkan Melaka, mencari pelabuhan-pelabuhan lain di sekitar Nusantara yang lebih selamat dan terjamin.

Jati diri Melaka yang terkenal sebagai sebuah negara Islam yang gagah, menjadi pudar dan beransur-ansur lemah menanti masa untuk jatuh. Keruntuhan moral, mementingkan diri sendiri, mengikut nafsu, dendam dan fitnah adalah ibarat kanser yang menanti masa untuk pecah. Akhirnya, apabila Melaka diserang oleh Portugis, Melaka yang sedang dalam ketenatan itu dengan mudah ditewaskan.

## 6.6. Kesimpulan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kejatuhan sesebuah tamadun itu adalah berpunca dari dalam tamadun itu sendiri. Tamadun Melayu Melaka telah mencapai zaman kegemilangannya dalam tempoh satu abad selepas ia didirikan. Tetapi menurut sejarah, diakhir abad ke-15 pemerintah dan para pembesar Melayu Melaka yang sedang hidup dalam kemewahan itu telah mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Selain daripada merebut kekayaan dan kuasa, mereka juga tidak dapat lari daripada nafsu, dendam, dengki dan khianat. Rakyat tidak berpuas hati tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana terikat dengan konsep *waadat* yang dikatakan pernah dibuat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun. Hang Jebat yang cuba menegak kebenaran telah mengalami kegagalan kerana tiada sambutan. Malah yang lebih menyedihkan ialah apabila orang yang diperjuangkan oleh Jang Jebat itu sendiri yang kemudiannya membunuh dan menamatkan reformasi yang cuba diketengahkan oleh Hang Jebat. Sebab itu Hang Jebat boleh dianggap sebagai seorang pemimpin reformasi yang mendahului zamannya.

Oleh kerana tiada kesedaran dan lebih dipengaruhi oleh dendam dan nafsu, Sultan Mahmud memerintah Melaka dengan membelakangkan undang-undang dan kepentingan negara. Orang-orang yang dianggap derhaka dijatuhi hukuman bunuh, tetapi para pembesar yang kaki

mengampu dan sanggup melakukan apa sahaja bagi memenuhi kemahuan Sultan mahmud sentiasa dikasihi dan dianugerahi dengan kemewahan dan pangkat. Justeru itu apabila ada ancaman dari luar, Melaka tidak dapat dipertahankan dan dengan mudah jatuh ke tangan Portugis.

### **Nota Hujung Bab 6.**

1. Chandra Muzaffar dalam kertas kerjanya bertajuk "Pembinaan Masyarakat Madani: Model Malaysia" telah memberikan huraian yang jelas mengenai konsep **madani** berdasarkan tamadun Malaysia. Beliau memberikan definisi sedemikian setelah mencampurkan konsep **madani** dengan konsep *civil society* dari falsafah Barat. Sila lihat MINDS (edited):1998. *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*. MINDS Kuala Lumpur: 29-39.
2. Disesuaikan dariada kertas kerja yang bertajuk *Pendidikan dan Etika Asas Kemantapan Masyarakat Madani* (MINDS,1998:89-90)
3. Sila lihat Mukadimah, (1995) di mana Ibn Khaldun telah memberikan penjelasan yang jelas tentang hal ini dalam Bab 3 dan Bab 4.
4. Beberapa orang sarjana yang mengkaji sejarah kota Melaka berpendapat bahawa sebelum dibuka oleh Parameswara, Melaka adalah sebuah perkampungan Orang Laut. *Sejarah Melayu* tidak memperlihatkan peranan Orang Laut ini dengan jelas. Namun begitu ada disebut bahawa Raja Haru ingin didayung oleh Sakai. Setelah Melaka dikalahkan Portugis, Paduka Tuan menyuruh anaknya Tun Pekerma mengumpul orang yang mendiami persisiran untuk mengambil raja. Akhirnya ia berjaya mengumpul orang-orang itu. Manakala *Hikayat Hang Tuah* menceritakan beberapa peristiwa peranan orang-orang Sakai Singapura yang telah membantu Hang Tuah. Muhammad Yusof Hashim.(1989:131) Berpendapat kemungkinan Seri Bija Diraja berketurunan Melayu daripada suku Orang Laut yang pada asalnya tinggal di Bentan dan Singapura.
5. Dari segi sejarah, Melaka berasal dari sebuah perkampungan nelayan Orang Laut. Orang Laut dikatakan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan empayar Srivijaya. Menurut Wolters, faktor asas kekuatan Srivijaya ialah hubungan yang terjalin di antara raja-rajanya dengan Orang Laut yang mendiami pantai dan tebing sungai. Penguasaan ke atas Orang Laut ini amat penting oleh sebab tanpa kawalan itu mereka akan merompak kapal-kapal yang lalu lalang sebagai mata pencarian. Sila lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. Macmillan Publishers (M) Sdn Bhd. Kuala Lumpur Hal. 28 dan 48.